

Jabatan Laut

14/01/2013

► **Nelayan rasa lebih selamat**

Berita Harian, 14/01/13, Regional Changes - North, Page 2
By: Mustafa Ngah Mansor

Seramai 10 nelayan di daerah Manjung teruja menerima Sistem Pemantauan Automatik (AIS) untuk meningkatkan keselamatan pelayaran mereka ketika menangkap ikan di laut. Semua mereka dari Pulau Pangkor menerima peralatan itu daripada Jabatan Laut dengan percuma disampaikan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha di Jeti Marina Island di Teluk Muroh, di sini, kelmarin.

Article Information

Item ID:	00177601354
Circulation:	160,597
Number of words:	444
Article type:	News Item
Photo:	Yes

Advertising Space Rate

MYR:	1,434
------	-------

12/01/2013

► **10 nelayan pertama guna AIS**

Berita Harian, 12/01/13, General News, Page 20
By: Mustafa Ngah Mansor

Nelayan di daerah Manjung di sini, menjadi kumpulan nelayan pertama di negara ini menerima Sistem Pemantauan Automatik (AIS) yang dipasang di bot masing-masing bagi meningkatkan tahap keselamatan dan memudahkan pemantauan. Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha, berkata kumpulan itu membabitkan 10 nelayan sebelum penggunaan sistem berkenaan diperluaskan kepada nelayan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak secara berperingkat.

Article Information

Item ID:	00177455755
Circulation:	160,597
Number of words:	341
Article type:	News Item
Photo:	Yes

Advertising Space Rate

MYR:	1,539
------	-------

► **Kong: Sistem pengenalan automatik untuk bot nelayan**
Utusan Borneo Sarawak, 12/01/13, General News, Page 16
By: No author available

LUMUT: Jabatan Laut Semenanjung Malaysia memperkenalkan penggiinaan Sistem Pengenalan Automatik (AIS) yang dipasang pada bot nelayan bagi memudahkan jabatan itu memantau pergerakan bot berkenaan. Menteri Pengangkutan Datuk Seri Kong Cho Ha berkata, sebagai permulaan sistem itu akan dipasang di atas bot nelayan Zon B yang beroperasi bermula lima batu nautika daripada pantai. Beliau berkata sebelum ini semua kapal dagang telah pun diwajibkan menggunakan peralatan tersebut. "Sistem tersebut memudahkan kerja-kerja pengawasan kapal dagang atau bot nelayan Jabatan Laut.

Article Information	
Item ID:	00177482168
Circulation:	45,554
Number of words:	246
Article type:	News Item
Photo:	Yes
Advertising Space Rate	
MYR:	1,071

► **Borneo Post Online - www.theborneopost.com**
Kong: Sistem pengenalan automatik untuk bot nelayan

LUMUT: Jabatan Laut Semenanjung Malaysia memperkenalkan penggunaan Sistem Pengenalan Automatik (AIS) yang dipasang pada bot nelayan bagi memudahkan jabatan itu memantau pergerakan bot berkenaan. Menteri Pengangkutan Datuk Seri Kong Cho Ha berkata,...

Date Found: 12/01/2013 4:55 PM
Summary ID: 177457366
To view the web page: [click here](#)>>

Audience	
Unique Daily Visitors:	0
Av. Story Audience:	0
Advertising Space Rate	
MYR:	4,953



Nelayan rasa lebih selamat

» *Alat AIS pantau pergerakan bot bermasalah di laut*

Oleh Mustafa Ngah Mansor
bhnews@bharian.com.my

Seramai 10 nelayan di daerah Manjung teruja menerima Sistem Peman-tauan Automatik (AIS) untuk meningkatkan keselamatan pelayaran mereka ketika menangkap ikan di laut.

Semua mereka dari Pulau Pangkor menerima peralata-n itu daripada Jabatan Laut dengan percuma disampaikan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha di Jeti Marina Island di Teluk Muroh, di sini, kelmarin.

Alat paling berguna

Penerima, Kamarul Baharin Saad, 36, gembira menerima alat itu kerana ia amat berguna kepada bot nelayan ketika menangkap ikan di laut.

Katanya, penggunaan alat itu dapat menyelesaikan masalah bot nelayan daripada menerima risiko seperti berlanggar dengan kapal dagang di perairan negeri ini.

"Saya gembira menerima AIS kerana peralatan itu boleh memantau pergerakan kapal dagang, sekali gus mengelak sebarang kejadian

tidak diinginkan terhadap bot nelayan.

"Tanpa menggunakan AIS, bot nelayan tidak dapat melihat kedudukan kapal dagang yang belayar di perairan Selat Melaka.

Kesan kemalangan

"Saya pernah terserempak dengan kapal dagang dengan jarak kira-kira 30 meter. Saya panik, tetapi mujur tidak berlaku kemalangan," katanya selepas menerima peralatan itu sambil mengucapkan terima kasih kepada kerajaan.

M Mathuraimatha, 63, berka-ta, AIS penting bagi nelayan di

Pangkor, terutama mereka yang menangkap ikan lebih daripada lima batu nautika dari daratan.

Beliau mempunyai dua jenis bot iaitu untuk tangkapan di laut dalam dan yang lain bot pukut jerut, khususnya untuk menangkap ikan bilis sekitar Pangkor sahaja.

"Saya setuju setiap nelayan dibekalkan AIS kerana peralatan canggih itu memberi keyakinan kepada nelayan terutama dari aspek keselamatan semasa di

laut.

"Kelebihan alat ini, ia boleh memantau sebarang pergerakan bot nelayan di laut seperti enjin mengalami kerosakan," katanya.

Kerajaan prihatin

Tan Ah Ting, 56, pula berkata, kerajaan prihatin terhadap keselamatan nelayan dan menyifatkan pemberian AIS kepada mereka sebagai hadiah sempena tahun baru.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Laut, Datuk Ahmad Othman berkata, pelaksanaan AIS adalah rentetan daripada kema-langan yang berlaku di perairan negara ini.

"Langkah awal kepada kelulu-san Majlis Maritim Kebangsaan seramai 10 nelayan Pulau Pangkor menerima bekalan itu untuk kegunaan bot kecil.

"Jabatan Laut membangunkan AIS secara berperingkat sejak 2003 dan empat stesen pemanta-uhan utama diwujudkan iaitu di Pelabuhan Klang, Kuching, Kota Kinabalu dan Labuan selain 10 stesen pemantauan kecil yang lain," katanya.

 back



“
Saya setuju
setiap nelayan
dibekalkan AIS
kerana peralatan
canggih itu **memberi
keyakinan
kepada nelayan,**
terutama dari aspek
keselamatan ketika
di laut”

M Mathuraimatha,
Nelayan

“
**Kerajaan
prihatin
terhadap
keselamatan
nelayan** dan
menyifatkan
pemberian AIS
kepada mereka
sebagai hadiah
tahun baru”

Tan Ah Ting,
Nelayan



10 nelayan pertama guna AIS

» Penggunaan bakal diperluas ke seluruh negara

Oleh **Mustafa Ngah Mansor**
bhnews@bharian.com.my

► Lumut

Nelayan di daerah Manjung di sini, menjadi kumpulan nelayan pertama di negara ini menerima Sistem Pemantauan Automatik (AIS) yang dipasang di bot masing-masing bagi meningkatkan tahap keselamatan dan memudahkan pemantauan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha, berkata kumpulan itu membabitkan 10 nelayan sebelum penggunaan sistem berkenaan diperluaskan kepada nelayan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak secara berperingkat.

"Kementerian Pengangkutan juga akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mengembangkan penggunaan sistem ini dalam kalangan nelayan di seluruh negara.

"(Pengusaha) Feri turut digalakkan menggunakan sistem ini kerana membawa ramai penumpang dan yang perlu diutamakan keselamatan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan AIS



Ahmad (tengah) menerangkan fungsi AIS kepada Chong Ha pada majlis penyerahan AIS Kelas B kepada 10 nelayan di Manjung, semalam. (FOTO PETER NUNIS/BH)

Kelas B kepada 10 nelayan di sini, semalam. Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Laut, Datuk Ahmad Othman; Setiausaha Bahagian Maritim Kementerian Pengangkutan, Datuk Abdullah Yusoff Basiron dan Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), M Saedon Johan.

Tahap keselamatan ditingkatkan

Semalam, *BH* melaporkan tahap keselamatan dan pemantauan bot nelayan di perairan

“(Pengusaha) Feri turut digalakkan menggunakan sistem ini kerana membawa ramai penumpang dan yang perlu diutamakan keselamatan mereka”

Kong Cho Ha,
Menteri Pengangkutan

negara akan ditingkatkan apabila lebih 17,000 bot digalakkan memasang AIS seperti dicadangkan Majlis Maritim Kebangsaan bagi membolehkan pergerakan bot dipantau menggunakan satelit dan gelombang radio.

Projek perintis itu dibiayai sepenuhnya kerajaan akan dijalankan selama enam bulan bagi memastikan keberkesanan sistem berkenaan yang turut digunakan di China, India, Amerika Syarikat dan Singapura.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



 [back](#)

Kong: Sistem pengenalan automatik untuk bot nelayan

LUMUT: Jabatan Laut Semenanjung Malaysia memperkenalkan penggunaan Sistem Pengenalan Automatik (AIS) yang dipasang pada bot nelayan bagi memudahkan jabatan itu memantau pergerakan bot berkenaan.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Kong Cho Ha berkata, sebagai permulaan sistem itu akan dipasang di atas bot nelayan Zon B yang beroperasi bermula lima batu nautika daripada pantai.

Beliau berkata sebelum ini semua kapal dagang telah pun diwajibkan menggunakan peralatan tersebut.

“Sistem tersebut memudahkan kerja-kerja pengawasan kapal dagang atau bot nelayan Jabatan Laut.

“Sekiranya berlaku kejadian kemalangan di laut, ia boleh dikesan dengan cepat. Jika nelayan tiada mempunyai AIS, sukar untuk kita mengesan kemalangan,” katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian AIS Zon B kepada nelayan Daerah Manjung di Jeti Kompleks Marina Island, Teluk Muroh, dekat sini, semalam.

Seramai 10 orang nelayan menerima peralatan tersebut

bernilai antara RM3,000 hingga RM6,000 setiap satu untuk dipasang di atas bot masing-masing sebagai pengenalan awal kepada nelayan setempat.

Kong berkata peralatan tersebut akan dipasang pada semua bot nelayan di seluruh negara secara berperingkat dengan kerjasama pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

“Sistem tersebut akan beroperasi 24 jam dan pihak Jabatan Laut boleh tahu sekiranya ia ditutup oleh pemilik bot ketika berada di laut,” katanya. — Bernama